



PEPERIKSAAN DAN KURSUS PERKHIDMATAN AWAM

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI
AWAM NEGERI SABAH (PPANS) 2008



SALAM SEJAHTERA SEMUA!



**SESI KALI INI, KITA AKAN BELAJAR TENTANG
PEPERIKSAAN DAN KURSUS PERKHIDMATAN
AWAM BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN
AWAM NEGERI**





TAFSIRAN


Peperiksaan dan Kursus Perkhidmatan Awam

- Sesuatu peperiksaan dan kursus yang diwajibkan bagi seseorang pegawai dalam perkhidmatannya dengan Kerajaan

PEPERIKSAAN DAN KURSUS

PEPERIKSAAN

- 1 Setiap pegawai adalah diwajibkan supaya lulus mana-mana Peperiksaan dan Kursus Perkhidmatan Awam yang disyaratkan ke atasnya
- 2 Walau apapun peruntukan di dalam subperaturan (1), Setiausaha Kerajaan Negeri boleh mengecualikan mana-mana pegawai dari menduduki dan lulus sebahagian mata pelajaran mana-mana Peperiksaan dan Kursus Perkhidmatan Awam yang diwajibkan, berdasarkan kepada pertimbangan mengenai umur, kelulusan akademik, kebolehan dan kecekapan atau di atas sebab-sebab lain yang munasabah.



PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

- Program Transformasi Minda adalah wajib bagi pegawai-pegawai yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam dan menjadi salah satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan.




KEPUTUSAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Semua keputusan Peperiksaan dan Kursus perkhidmatan awam Negeri adalah muktamad dan sebarang rayuan mengenainya tidak akan dilayan.



KEPUTUSAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Setiap keputusan peperiksaan dan kursus sama ada lulus atau kandas hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan Pegawai.



LEMBAGA

PENUBUHAN, KEAHLIAN, DAN FUNGSI LEMBAGA

Hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga yang dinamakan “Lembaga Kompetensi Perkhidmatan Awam Negeri” yang fungsinya adalah untuk

- (a) Menentukan dasar dan syarat peperiksaan dan kursus bagi perkhidmatan awam Negeri;
- (b) Menetapkan jenis-jenis peperiksaan dan kursus perkhidmatan awam Negeri mengikut sukatan peperiksaan dan keperluan skim perkhidmatan dari semasa ke semasa;
- (c) Melaksanakan peperiksaan dan kursus selaras dengan keperluan skim perkhidmatan dari semasa ke semasa; dan
- (d) Melantik penyedia dan pemeriksa kertas jawapan dan soalan peperiksaan dan melantik ketua pengawas dan pengawas.



LEMBAGA

PENUBUHAN, KEAHLIAN, DAN FUNGSI LEMBAGA

Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut :

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri;
- (b) Peguam Besar Negeri atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (c) Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (d) Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri atau wakilnya yang diberi kuasa; dan
- (e) Pengarah Institut Latihan Sektor Awam Negeri Sabah (INSAN) atau wakilnya yang diberi kuasa.



UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH LANJUT ANDA BOLEH MENGHUBUNGI

UNIT PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
INSTITUT LATIHAN SEKTOR AWAM NEGERI
TINGKAT 8, BLOK A, WISMA MUIS
88999 KOTA KINABALU





**SEKIAN TERIMA KASIH
&
SELAMAT BERKURSUS**